



## Aliran Pemikiran Ekonomi Islam Dunia Melayu<sup>1</sup>

(*The Schools of Thought of Islamic Economics in the Malay World*)

Muhammad Syukri Salleh<sup>2</sup>

Universiti Sains Malaysia

### Abstrak

*Makalah ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama; meneliti aliran pemikiran ekonomi Islam kontemporari para sarjana di dunia Melayu; dan kedua; menganalisis aliran pemikiran tersebut dalam konteks konstruk teoretikal ekonomi Islam. Sarjana di dunia Melayu di sini merujuk kepada para cendekiawan di Kepulauan Melayu (Semenanjung Malaysia, Sumatera Timur, Kepulauan Indonesia, dan Borneo) dengan tumpuan khusus kepada Malaysia dan Indonesia. Ekonomi Islam yang dimaksudkan di sini pula terhad kepada ekonomi Islam arus perdana kontemporari. Kedua-dua tujuan ini dicapai melalui pendekatan kajian analisis tekstual terhadap penulisan-penulisan ekonomi Islam yang dihasilkan oleh para sarjana terpilih di Malaysia dan Indonesia. Hasil analisis ini kemudian disusun dalam bentuk tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang konstruk teoretikal ekonomi Islam kontemporari. Bahagian kedua membincangkan tentang aliran pemikiran ekonomi Islam para sarjana Malaysia dan Indonesia. Akhir sekali, bahagian ketiga merumuskan perbincangan tersebut dengan menyatakan pendirian yang jelas tentang persoalan aliran pemikiran ekonomi Islam ini.*

*Kata kunci:* Ekonomi Islam, Melayu, Malaysia, Indonesia, kontemporari

### Abstract

*This paper has two main objectives. Firstly, it attempts to investigate contemporary trends of Islamic economic thought of scholars in the Malay world, and secondly, to analyse those trends of thought in the context of the theoretical construct of Islamic economy. The scholars in the Malay world here refer to the scholars of the Malay Archipelago (Peninsular Malaysia, East Sumatera, Indonesian Archipelago, and Borneo) with a special*

<sup>1</sup> Makalah ini merupakan versi semakan kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi Internasional Islam di Dunia Melayu di Bandung pada 20-22 November 2011. Saya merakamkan setinggi terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia kerana menganugerahkan Geran Penyelidikan Universiti Berkelompok (*Research University Team Grant*) untuk melakukan penyelidikan ke atas Pembangunan Berteraskan Islam, sehingga dapat menghasilkan salah satunya, penulisan makalah ini.

<sup>2</sup> Corresponding author : Muhammad Syukri Salleh, Centre for Islamic Development Management Studies, Universiti Sains Malaysia, e-mail : syukri54@gmail.com

*concentration on Malaysia and Indonesia. Islamic economics here confine to the contemporary mainstream Islamic economics. Both objectives are accomplished through textual analysis of the writings on Islamic economics by selected scholars in Malaysia and Indonesia. The results of the analysis are then arranged in the form of three sections. The first section discusses the theoretical construct of the contemporary Islamic economics. The second section discusses the trends of the Islamic economic thought of the Malaysian and Indonesian scholars. Lastly, the third section concludes those discussions by expressing a clear stance on the questions of the trends of those Islamic economic thought.*

*Keywords:* Islamic economics, Malay, Malaysia, Indonesia, contemporary

### PENGENALAN

Makalah ini berhasrat menjawab dua persoalan utama. Pertama, bagaimanakah aliran pemikiran ekonomi Islam kontemporari para sarjana di dunia Melayu; dan kedua, setakat manakah pula mereka dipengaruhi oleh aliran pemikiran ekonomi Islam yang dominan sekarang. Sarjana di dunia Melayu di sini merujuk kepada cendekiawan di Kepulauan Melayu (merangkumi Semenanjung Malaysia, Sumatera Timur, Kepulauan Indonesia dan Borneo), manakala ekonomi Islam dominan merujuk kepada ekonomi Islam arus perdana sekarang. Secara lebih khusus, makalah ini menumpukan analisis kepada aliran pemikiran ekonomi Islam sarjana-sarjana di Malaysia dan Indonesia. Dua buah negara ini dijadikan tumpuan analisis kerana di dalamnya terdapat majoriti sarjana ekonomi Islam dunia Melayu berbanding dengan negara-negara dunia Melayu yang lain.

Hasrat mencari jawapan kepada dua persoalan di atas didorong oleh tiga kebimbangan. Pertama; aliran pemikiran ekonomi Islam dominan sekarang yang memakai pendekatan akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik (akan dijelaskan maksudnya kemudian) adalah sangat berkecamuk. Kedua, jika aliran pemikiran ekonomi akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini terus wujud dan diperkembangkan, ia tidak akan membina satu bentuk pemikiran ekonomi Islam yang autentik, malah ia semakin jauh daripada Islam apatah lagi daripada menguntungkan umat Islam sendiri. Ketiga, jika sarjana di dunia Melayu juga terpengaruh dengan aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini, mereka tidak akan muncul sebagai sarjana pelopor yang dinamik dan inovatif, malah sebaliknya terus menerus menjadi pengikut.

Makalah ini ditulis untuk menyatakan kebimbangan dan mencari solusi kepada kebimbangan ini. Ia disusun melalui tiga hierarki perbincangan. Pertama ialah perbincangan tentang aliran pemikiran ekonomi Islam dominan pada masa kini. Perbincangan ini dilakukan untuk dijadikan asas kepada penilaian pengaruhnya ke atas aliran pemikiran ekonomi Islam sarjana di dunia Melayu. Dalam bahagian ini, hanya aliran pemikiran dominan ini sahaja yang dijadikan tumpuan, walaupun disedari bahawa terdapat beberapa aliran pemikiran lain dalam ekonomi Islam ini. Aliran-aliran pemikiran lain ini dibincangkan dalam bahagian kedua, apabila memperbincangkan tentang aliran-aliran pemikiran dalam kalangan sarjana di dunia Melayu di Malaysia dan Indonesia. Kedua, perbincangan dan analisis tentang pemikiran ekonomi Islam para sarjana di dunia Melayu, khususnya para sarjana Melayu di Malaysia dan di Indonesia. Perbincangan dan analisis dalam hierarki ini terpaksa dibataskan kepada hanya sarjana Melayu terpilih di Malaysia dan di Indonesia sahaja. Setakat pengetahuan saya, usaha ini adalah usaha pertama dan oleh itu ia lebih bersifat sebuah usaha preliminari. Dalam keadaan demikian, tumpuan kepada sarjana Malaysia dan Indonesia dirasakan mencukupi dalam usaha mendapat gambaran awal tentang corak pemikiran ekonomi Islam sarjana-sarjana Islam di dunia Melayu ini. Tambah lagi, dalam banyak-banyak negara dalam dunia Melayu sekarang, sarjana-sarjana di Malaysia dan di Indonesia secara relatifnya paling aktif menghasilkan karya-karya tentang ekonomi Islam.

Selain itu, bahan perbincangan dan analisis pemikiran ekonomi Islam dunia Melayu ini juga dibataskan kepada buku sahaja, bukan kepada kesemua bentuk penulisan yang berkaitan. Seperti alasan tentang keterbatasan kepada sarjana Melayu di Malaysia dan di Indonesia, keterbatasan bahan perbincangan dan analisis ini juga diyakini cukup untuk mendapatkan gambaran awal tentang pemikiran ekonomi Islam di dunia Melayu ini. Saya memilih 9 buah buku karya sarjana Malaysia dan 10 buah buku karya sarjana Indonesia untuk tujuan ini (lihat Jadual 1). Buku-buku ini dipilih berdasarkan kandungannya yang berkaitan ekonomi Islam, bukan berdasarkan kepada penulis-penulisnya. Buku-buku sarjana Malaysia dipilih secara khusus meliputi kesemua buku ekonomi Islam yang terdapat di Malaysia. Hampir kesemua buku ini pula merupakan buku-buku utama ekonomi Islam di Malaysia. Buku-buku sarjana Indonesia pula dipilih secara rawak. Kaedah ini terpaksa dilakukan kerana terdapat terlalu banyak buku ekonomi Islam yang telah dihasilkan di negara tersebut. Kedua-dua kaedah pilihan ini diyakini seimbang dan boleh mewakili buku-buku ekonomi Islam yang dihasilkan di Malaysia dan Indonesia. Melalui kaedah sebegini, matlamat untuk mendapatkan gambaran awal tentang aliran pemikiran ekonomi Islam di dunia Melayu, khususnya di Malaysia dan Indonesia diyakini dapat dicapai.

*Jadual 1 : Buku Ekonomi Islam Terpilih Dalam Alam Melayu Yang  
Dibincang Dan Dianalisis Dalam Makalah Ini*

<b>BUKU-BUKU SARJANA MALAYSIA</b>		<b>BUKU-BUKU SARJANA INDONESIA</b>
1	Audit Ghazali, 1991. <i>Islamic Thinkers on Economics, Administration and Transactions</i> , Vol. 1, Kuala Lumpur: Quill Publishers.	A.E. Priyono, Amrullah Achmad & Bintang Sucipto, eds., 1985. <i>Islamisasi Ekonomi – Suatu Sketsa Evaluasi dan Prospek Gerakan Perekonomian Islam</i> , Yogyakarta: PLP2M.
2	Mohamed Aslam Haneef, 1995. <i>Contemporary Islamic Economic Thought – A Selected Comparative Analysis</i> , Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.	M. Sholahuddin, 2007. <i>Asas-Asas Ekonomi Islam</i> , Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
3	Surtahman Kastin Hasan, 1995. <i>Ekonomi Islam- Dasar dan Amalan</i> , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, cetakan kedua.	Azhari Akmal Tarigan, Muhammad Ramadhan, M. Yafiz, M. Ridwan & Zulham, eds., 2007. <i>Pergumulan Ekonomi Syariah di Indonesia – Studi Tentang Persentuhan Hukum dan Ekonomi Islam</i> , Bandung, Citapustaka Media.
4	Hailani Muji Tahir, 1999. <i>Concept and the Principles of Islamic Economics</i> , Kajang, Selangor: Fatha Publication.	Anwar Abbas, 2008. <i>Bung Hatta &amp; Ekonomi Islam – Pergulatan Menangkap Makna Keadilan dan Kesejahteraan</i> , Jakarta: Multi Pressindo, LP3M STIE, dan Universitas Muhammadiyah Jakarta.
5	Jomo, K.S., ed., 2001. <i>Alternatif Ekonomi Islam- Perspektif Kritis dan Haluan Baru</i> , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, cetakan kedua.	Aam Slamet Rusdiana, Muhamad Jarkasih, Mahbubbi Ali, Luthfillah Habibi, Abdussalam, Ahmad Farabi & Atep Firmansyah, 2009. <i>Ekonomi Islam Substantif</i> , Bogor: Lembaga Penelitian & Pemberdayaan Masyarakat (LPPM).
6	Abdullah Alwi Hj. Hassan, et. al., eds., 2005. <i>Teori dan Aplikasi Kontemporer Sistem Ekonomi Islam di Malaysia</i> , Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.	Abdul Wahid a- Faizin & Nashr Akbar, 2010. <i>Tafsir Ekonomi Kontemporer – Kajian Tafsir al-Qur'an Tentang Ekonomi Islam</i> , Jakarta Selatan: Madani Publishing House.
7	Mohamed Aslam Haneef, 2009. <i>A Critical Survey of Islamization of Knowledge</i> , Gombak, Selangor: IIUM Press, 2 <sup>nd</sup> Edition.	Mohamad Hidayat, 2010. <i>An Introduction to the Sharia Economic – Pengantar Ekonomi Syariah</i> , Jakarta: Zikrul Hakim.
8	Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2011. <i>Ekonomi Islam – Satu Pendekatan Analisis</i> , Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.	Mardani, 2011. <i>Ayat-Ayat dan Hadis Ekonomi Syariah</i> , Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.

9	Surtahman Kastin Hasan, 2011. <i>Ekonomi Islam – Pengenalan</i> , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.	AM Saefuddin, 2011. <i>Membumikan Ekonomi Islam</i> , Jakarta: PT PPA Consultants.
10		P3EI (Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi Islam), Universitas Islam Indonesia Yogyakarta, 2011. <i>Ekonomi Islam</i> , Jakarta: Rajawali Pers.

Buku-buku yang terpilih dalam perbincangan makalah ini pula boleh dibahagikan kepada empat jenis. Pertama ialah buku karya asli yang sememangnya menumpukan penuh kepada ekonomi Islam, umpamanya buku-buku karya Surtahman Kastin Hasan (1995, 2011), Hailani Muji Tahir (1999), M. Sholahuddin (2007), Abdul Wahid al-Faizin dan Nashr Akbar (2010), Mohamad Hidayat (2010), Mardani (2011), Jaafar Ahmad, et. al (2011), AM Saefuddin (2011), dan P3EI (2011). Dalam jenis ini, perbincangan tertumpu kepada aliran pemikiran pengarang buku-buku tersebut sepenuhnya. Kedua ialah buku-buku suntingan, yang di dalamnya terdapat eseai-esei yang ditulis oleh pelbagai penyumbang, seperti buku yang disunting oleh AE Priyono et.al. (1985), Jomo KS (2001), Abdullah Alwi Haji Hassan et. al. (2005), Azhari Akmal Tarigan (2007), dan Aam Slamet Rusydiana, et.al. (2009). Dalam jenis ini, perbincangan tertumpu kepada aliran pemikiran penyuntingnya, terutamanya berdasarkan kepada pengenalan yang dibuatnya, dan jika ada, berdasarkan eseinya sendiri dalam buku tersebut. Ketiga ialah buku-buku karya asli yang di dalamnya hanya terdapat sebahagian saja perbincangan tentang ekonomi Islam, umpamanya buku Mohamed Aslam Haneef (2009). Dalam buku jenis ini, perbincangan tertumpu kepada aliran pemikiran pengarang dalam bahagian tentang ekonomi Islam itu sahaja, dan jika relevan, dengan rujukan kepada bahagian lain yang berkaitan. Dan keempat, buku yang dihasilkan oleh pengarang untuk membincangkan tentang aliran pemikiran tokoh-tokoh ekonomi Islam, umpamanya buku Aidit Ghazali (1991) yang mengandungi perbincangan tentang tokoh-tokoh ekonomi Islam tradisional, Mohamed Aslam Haneef (1995) yang mengandungi perbincangan tentang tokoh-tokoh ekonomi Islam semasa, dan Anwar Abbas (2008) yang mengandungi perbincangan tentang pemikiran ekonomi Islam Bung Hatta. Dalam jenis ini, perbincangan dan analisis tertumpu kepada aliran pemikiran pengarang dalam menganalisis aliran pemikiran tokoh-tokoh tersebut, bukan sangat kepada aliran pemikiran tokoh-tokoh yang ditulisnya.

## **EKONOMI ISLAM DOMINAN: PENDEKATAN AKOMODATIF-MODIFIKASI DENGAN SIFAT EKLEKTISME-METODOLOGIK**

Walau pun terdapat pelbagai aliran pemikiran dalam proses pembinaan ekonomi Islam, namun kesemuanya boleh dikelompokkan kepada hanya dua

corak pemikiran sahaja. Yang pertama ialah pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat eklektisme-metodologik. Pelopornya ialah Muhammad Abdul Mannan (1984), Nejatullah Siddiqui (1988) dan Monzer Kahf (1987). Dalam aliran pemikiran ini, termasuklah pula aliran-aliran pemikiran yang cenderung menggabungkan ekonomi Islam dengan isme-isme lain seperti yang Anwar Abbas (2008) dan Muhammad Ramadhan (2007) yakini tentang “ekonomi sosialisme Islam” berdasarkan aliran “sosialisme religius” Mohamad Hatta, atau yang cuba mewujudkan satu aliran pemikiran yang dianggap ‘alternatif’ sebagaimana cuba diusahakan oleh Jomo K. S. (2001). Kedua pula ialah aliran pemikiran ekonomi Islam total yang berpegang kepada keyakinan bahawa ekonomi Islam mesti lahir daripada acuan Islam sendiri, tanpa campur-aduk dengan sistem ekonomi bukan-Islam. Pendokongnya ialah Abdul Hamid Abusulayman (1973), Seyyed Vali Reza Nasr (1986), Ziaudin Sardar (1988), Mohamed Aslam Haneef (1997), Zubair Hasan (1998), Masudul Alam Choudhury (1999, 2011), Muhammad Syukri Salleh (2009, 2011) dan Surtahman Kastin Hasan (2011).

Antara kedua aliran pemikiran ini, aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik telah menjadi aliran dominan. Aliran ini membentuk pemikiran arus perdana ekonomi Islam kontemporari sekarang. Pemikiran Muhammad Abdul Mannan (1984), Nejatullah Siddiqui (1988) dan Monzer Kahf (1987) boleh dikatakan menjadi akar kepada pemikiran sebegini. Muhammad Abdul Mannan (1984) menggunakan pendekatan eklektik dengan meminjam pemikiran ekonomi Barat, manakala Muhammad Nejatullah Siddiqui (1988) dan Monzer Kahf (1987) pula menggabungkan pendekatan ekonomi neo-klasikal dengan fiqh. Ia menjurus kepada satu pendekatan yang dinamakan “neo-klasikal yang berasaskan fiqh” (*fiqh-based neo-classical*) yang menjadi aliran dominan pemikiran ekonomi Islam sekarang.

Oleh kerana aliran pemikiran sebegini bersifat terbuka untuk menerima ekonomi neo-klasikal dan membenarkan ekonomi tersebut diperbaiki untuk menjadikannya Islam, maka ia dinamakan pendekatan akomodatif-modifikasi. Dari segi metodologinya pula, pemikiran begini membenarkan memilih-milih apa yang difikirkan baik untuk diintegrasikan ke dalam ekonomi Islam. Oleh itu, ia dipanggil eklektisme-metodologik.

Ringkasnya, pendekatan akomodatif-modifikasi di sini merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran ekonomi bukan-Islam untuk menjadikannya sebagai ekonomi Islam. Eklektisme metodologik pula merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, yang memilih-milih apa yang dirasakan baik daripada pelbagai sumber dan menggunakan secara kolektif untuk digunakan dalam ekonomi Islam. Pendekatan

akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini memberikan hujah bahawa sumbangan daripada sumber-sumber disiplin lain seperti teori neo-klasikal kena diterima. Asumsi, norma gelagat, dan objektifnya pula boleh dimodifikasi untuk menjadikannya Islami (Muhammad Nejatullah Siddiqi 1988a:108). Dengan perkataan lain, aliran pemikiran sebegini mencadangkan agar teori ekonomi konvensional neo-klasikal dan alat-alatnya dimodifikasi bagi menyediakan satu perubahan dalam orientasi nilai, institusi dan objektif yang hendak dicapai. Untuk merealisasikannya, aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme metodologik ini berpegang kepada kepercayaan bahawa ekonomi Islam mesti mempunyai unsur universal yang cukup. Muhammad Nejatullah Siddiqi (2001) malah berpendapat bahawa interaksi dengan ekonomi moden bukan saja boleh diterima, tetapi malah diperlukan. Beliau menerima bukan sahaja kerangka disiplin ekonomi moden ini, malah juga menerima nilai-nilai yang datang bersamanya. Oleh kerana sikap Muhammad Nejatullah Siddiqi yang begitu terbuka dengan ekonomi konvensional ini, maka Ziaudin Sardar (1988, 198-217) menggelarkan beliau sebagai '*Keynesian par excellence*'.

Pendekatan pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini ternyata bersifat tampung-menampung (*patchwork*) yang tidak mewakili kerangka Islam yang sebenar. Sebaliknya, para pendokongnya semacam meletakkan ekonomi Islam sebagai satu sub-disiplin kepada ekonomi konvensional Barat. Pegangan mereka juga berdasarkan kepada logik yang agak mudah sekali, misalnya sebagaimana yang dilakukan oleh Mohammad Anas Zarqa (1992:54). Bagi beliau, ekonomi Islam hanyalah bermakna menggantikan nilai-nilai ekonomi konvensional dengan nilai-nilai Islam, tanpa perlu merombak struktur ekonomi konvensional tersebut. Dalam perkataan beliau sendiri, beliau mengatakan:

*“...when Islamic values replace other values that have affected traditional economic analysis the result may be a new kind of economics which is not necessarily or entirely opposite or different from conventional economics. To put it very simple, perhaps simplistically, if we take out whatever values are there in the process of economic analysis and replace them by Islamic values and work out the analytical consequences, we arrive at a product which can be called Islamic economics”* (Mohammad Anas Zarqa 1992:54).

Satu lagi logik mudah para advokat aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini ialah sebagaimana yang dipegang oleh Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002) dan Mohammad Umar Chapra (2001). Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002) menganggap ekonomi Islam sebagai

gabungan unik antara prinsip Syariah dengan ekonomi konvensional. Beliau percaya bahawa selagi konsep dan prinsip ekonomi konvensional tidak kontradik dengan prinsip Islam, maka ia boleh diadaptasi ke dalam ekonomi Islam. Begitulah juga dengan pegangan Mohammad Umar Chapra (2001, 39). Bagi beliau, ekonomi Islam boleh memakai teori-teori ekonomi konvensional sekiranya teori-teori ini tidak bertentangan dengan struktur logik pandangan hidup (*worldview*) Islam.

Pemikiran begini ternyata berkecamuk sekali. Pertama, apa maknanya nilai-nilai Islam jika ia hanya diletakkan ke dalam kerangka ekonomi konvensional yang tidak dibungkih akar umbinya? Kenapa nilai-nilai Islam ini tidak diletakkan ke dalam kerangka Islam sendiri, atau sekurang-kurangnya ke dalam kerangka ekonomi konvensional yang telah dirombak hingga ke akar umbinya sehingga menjadi Islam? Kedua, apa maknanya diterima konsep, prinsip dan teori-teori ekonomi konvensional selagi tidak bertentangan dengan prinsip dan struktur logik pandangan hidup Islam, sedangkan tasawur, dasar falsafah, dan definisi konsep, prinsip dan teori-teori ekonomi konvensional tersebut masih bertunjangkan kepada tasawur, dasar falsafah, dan definisi ekonomi konvensional?

Kecamukan aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini sebenarnya wujud akibat daripada kecelaruan para pendokongnya tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional ekonomi Islam itu sendiri. Peringkat falsafah ekonomi Islam mencakupi komponen-komponen yang menjadikan terbinanya kerangka ekonomi Islam. Di dalamnya terkandung tasawur, dasar falsafah, dan definisi konsep-konsep ekonomi Islam. Peringkat operasional ekonomi Islam pula mencakupi nilai-nilai, teori-teori, peralatan, dan kaedah-kaedah pelaksanaan ekonomi Islam. Ia merupakan komponen-komponen yang membolehkan ekonomi Islam itu direalisasikan.

Antara kedua peringkat ini, tunjang ekonomi Islam sepatutnya adalah peringkat falsafah, manakala komponen-komponen dalam peringkat operasional akan terbentuk mengikut tunjang falsafahnya. Jika hanya komponen-komponen dalam peringkat operasional yang dipilih-pilih, diakomodasi dan seterusnya dimodifikasi ‘mengikut Islam’ sedangkan kerangkanya di peringkat falsafah dibiarkan tetap bertunjang kepada kerangka ekonomi konvensional, akan tidak jadi Islam komponen-komponen dalam peringkat operasional tersebut. Tetapi jika kerangka di peringkat falsafah ditunjangkan kepada falsafah Islam dan komponen-komponen di peringkat operasional turut terbentuk menjadi Islam, maka kerangka falsafah ekonomi konvensional pastinya tidak diperlukan lagi, malah tidak timbul persoalan pun untuk memilih, mengakomodasi dan memodifikasi komponen-komponen ekonomi

konvensional di peringkat operasional itu. Misalnya jika ditunjangkan kepada kerangka falsafah Islam konsep-konsep produksi, distribusi, konsumsi, pemilikan, keadilan dan sebagainya yang menjadi komponen-komponen di peringkat operasional yang sering digunakan para sarjana ekonomi Islam beraliran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik dalam cuba memilih-milih, mengakomodasi dan memodifikasi komponen-komponen ekonomi konvensional, maka keseluruhan komponen tersebut akan menjadi Islam seIslamnya. Tetapi jika hanya komponen-komponen di peringkat operasional itu sahaja yang mahu dipilih, diakomodasi dan dimodifikasi menurut Islam, sedangkan tunjangnya masih bertunjangkan kepada falsafah konvensional, maka ia tidak boleh dianggap sebagai Islam sepenuhnya. Malah persoalan ‘tidak bercanggah dengan Islam’ di sini pun tidak timbul langsung kerana ternyata ia sememangnya bercanggah dengan Islam, terutamanya di peringkat falsafahnya yang menjadi pembentuk kepada komponen-komponen di peringkat operasional, apatah lagi komponen-komponen di peringkat operasional itu sendiri. Jadi, kalau pun proses pembinaan ekonomi Islam mahu dimulakan dengan penelitian terhadap ekonomi konvensional, maka kerangka falsafah ekonomi konvensional itu mesti dirombak hingga ke akar umbinya. Komponen-komponen yang terdapat dalam peringkat operasional mesti didefinisikan semula menurut Islam sebenar, dan kerangka ekonomi Islam mesti terbina daripada acuan tasawur dan epistemologi Islam sendiri, bukan daripada sikap pilih-pilih, akomodasi dan modifikasi komponen-komponen daripada ekonomi konvensional.

Kalau begitu, setakat mana pula para sarjana dalam dunia Melayu Malaysia dan Indonesia terpengaruh dengan konstruk ekonomi Islam dominan arus perdana yang berkecamuk ini?

### **PEMIKIRAN EKONOMI ISLAM DI DUNIA MELAYU**

Selari dengan perkembangan dan minat yang timbul di seluruh dunia, para sarjana di dunia Melayu, termasuk di Malaysia dan Indonesia, juga terpanggil untuk terlibat dalam ekonomi Islam. Seperti juga yang berlaku di peringkat dunia, para sarjana di Malaysia dan Indonesia juga mempunyai aliran-aliran pemikiran ekonomi Islam yang berbeza-beza. Daripada kajian saya ke atas 19 buah buku para sarjana terpilih di Malaysia dan di Indonesia ini, terdapat sekurang-kurang empat aliran pemikiran ekonomi Islam. Aliran-aliran tersebut ialah pertama, aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik; kedua, aliran pemikiran yang mencampur-adukkan isme-isme lain dengan Islam; ketiga, aliran alternatif yang tidak berpuas hati dengan wacana ekonomi Islam kontemporari lalu cuba memberikan pilihan kepada bentuk ekonomi Islam yang berbeza daripada yang sedia ada; dan keempat, aliran pemikiran yang saya namakan aliran pemikiran ekonomi

Islam total. Perbincangan terperinci tentang aliran-aliran ini dilakukan dalam bahagian-bahagian berikut.

### **Aliran Pemikiran Akomodatif-Modifikasi dan Eklektisme-Metodologik**

Maksud aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini telah diterangkan sebelum ini. Buku-buku yang mempamerkan kecenderungan terhadap aliran ini ialah buku-buku hasil karya Hailani Muji Tahir (1999) dan Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2011) dari Malaysia dan A.E. Priyono, Amrullah Achmad & Bintang Sucipto (1985), dan M. Sholahuddin (2007) dari Indonesia. Mereka secara langsung atau tidak cenderung menerima komponen-komponen ekonomi konvensional yang dirasakan 'tidak bercanggah dengan Islam' ke dalam ekonomi Islam.

Dari Malaysia, Hailani Muji Tahir (1999, 28) misalnya percaya ekonomi Islam boleh didefinisikan sama dengan definisi ekonomi konvensional dengan pemberian (*alteration*) agar dapat dimasukkan (*accommodate*) nilai-nilai sistem Islam. Beliau sebenarnya cukup sedar akan betapa pentingnya Tauhid dan tasawur Islam dalam ekonomi Islam, malah satu bab dalam bukunya memang ditumpukan kepada perkara ini. Ini diikuti dengan perbincangan tentang enam prinsip asas aktiviti ekonomi Islam, iaitu amanah/tanggungjawab (*trust*), kebebasan (*liberty/al-hurriyah*), pemilikan, keadilan, *tazkiyah* (penyucian jiwa), dan *ta`awun* (kerjasama/gotong royong) (Hailani Muji Tahir 1999, 29-50). Namun begitu, pada masa yang sama, beliau tetap memberi ruang kepada pemberian atau 'modifikasi' ekonomi konvensional untuk membuka ruang 'masuknya' nilai-nilai Islam, sebagaimana diyakini oleh Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988) dan Monzer Kahf (1987).

Beliau juga nampaknya bersetuju dengan pegangan kebanyakan sarjana seperti Muhammad Umar Chapra (1998), Rafiq al-Masri (1998), Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002), M. Fahim Khan (2002), dan Habib Ahmed (2002) yang percaya bahawa sumber alam adalah terhad (*scarce*), walaupun beliau sendiri menyedari bahawa pada hakikatnya Islam tidak menganggap sumber alam itu terhad. Bagi Hailani Muji Tahir (1999:29), terhadnya sumber alam itu ialah kerana tiga sebab. Pertama, kerana terhadnya ilmu manusia tentang penggunaan sumber alam tersebut sepenuhnya; kedua kerana tidak cekap; dan ketiga, kerana pembaziran mereka yang tidak bersyukur dengan kurniaan Allah SWT.

Satu lagi pegangan Hailani Muji Tahir (1999:11-16) yang agak sama dengan kebanyakan sarjana ekonomi Islam ialah berkaitan dengan *al-falah* sebagai matlamat akhir ekonomi Islam. Walau bagaimanapun, maksud *al-falah* yang diterjemahkan oleh beliau agak bertukar-tukar antara 'kebahagiaan di dunia dan di akhirat' (*prosperity in this world and the hereafter*) sebagaimana

dipakai oleh kebanyakan sarjana lain seperti Khurshid Ahmad (1980) dan Aidit Ghazali (1990) dan dinyatakannya oleh Hailani Muji Tahir dalam halaman 43 - dengan ‘keredhaan Allah’ (*the pleasure of Allah*) sebagaimana diterjemahkannya dalam halaman 11-16.

Selain Hailani Muji Tahir (1999), Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2011) juga cenderung kepada pendekatan akomodatif-modifikasi ini. Mereka yakin dengan penggunaan pendekatan Islamisasi ilmu ekonomi, iaitu dengan menggunakan alat atau *tool* ekonomi konvensional dan mengaplikasikan nilai-nilai Islam ke atasnya (Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid 2011, 12). Mereka menggunakan keluk IS untuk menilai keseimbangan ekonomi pasaran barang dalam ekonomi, keluk LM bagi menilai keseimbangan wang dalam ekonomi, dan teori kelakuan penyimpan dalam meneliti daya maju institusi kewangan Islam khususnya perbankan Islam. Mereka memberikan alasan kepada dasar penggunaan alat-alat ekonomi konvensional ini seperti berikut:

*“Sistem ekonomi Islam secara umunya mempunyai banyak persamaan dengan ekonomi konvensional dari aspek idea dan pelaksanaan. Walaupun perbezaan berlaku dalam nilai yang digunakan, namun terdapat juga nilai dalam analisis ekonomi konvensional yang tetap boleh digunakan. Oleh yang demikian kaedah analisis ekonomi konvensional boleh terus digunakan dalam analisis ekonomi Islam melalui proses Islamisasi ilmu ekonomi konvensional. Proses Islamisasi ilmu ekonomi boleh dilakukan dengan memasukkan nilai-nilai Islam ke dalam analisis ekonomi konvensional. Proses ini boleh dilakukan sama ada secara Islamisasi separa atau Islamisasi total. Islamisasi separa adalah pengubahsuaian terhadap model konvensional ke atas beberapa komponen tertentu sahaja. Prinsip asas, norma, andaian dan hipotesis asal dikekalkan. Begitu juga dengan nilai yang neutral dan boleh diterima Islam masih dikekalkan. Pengubahsuaian dilakukan dengan mengeluarkan nilai yang bertentangan dengan Islam dan mengantikannya dengan nilai yang diterima Islam”* (Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid 2011, 46-47).

Alasan ini adalah sama dengan alasan Mohammad Anas Zarqa (1992, 54) yang telah disebut sebelum ini. Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2011, 11) berpegang kepada pendirian sedemikian dengan tujuan memenuhi keperluan mempelajari ekonomi Islam secara

saintifik untuk menjitukan kaedah kajian ekonomi Islam tradisional. Bagi mereka, kaedah kajian ekonomi Islam tradisional adalah berbentuk subjektif dan tidak mempunyai pembuktian yang saintifik. Ia hanya memberikan panduan umum berdasarkan kepada al-Qur'an dan as-Sunnah tentang falsafah, ciri, peraturan dan batasan aktiviti ekonomi yang dibenarkan Islam sahaja (Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid 2011, 11). Persoalannya, apakah tidak ada kaedah saintifik daripada dalam acuan tradisi ilmu Islam sendiri sehingga mereka kena menggunakan kaedah daripada ekonomi konvensional?

Walau bagaimanapun, seperti juga Hailani Muji Tahir (1999), Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2011, 22) tetap sedar tentang kepentingan tasawur dan epistemologi Islam sebagai asas. Mereka sedar bahawa tasawur dan epistemologi Islam ini berbeza daripada tasawur dan epistemologi konvensional. Mereka menyatakan bahawa ekonomi Islam mestilah bersumberkan kepada wahyu Ilahi, manakala ekonomi konvensional bersumberkan pemikiran manusia.

Di Indonesia pula terdapat A.E. Priyono, Amrullah Achmad & Bintang Sucipto (1985) yang cenderung kepada aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini. Mereka yakin bahawa teori-teori ekonomi yang menerangkan tentang mekanisme-mekanisme kegiatan ekonomi nyata, baik mikro atau makro, boleh digunakan dalam sistem ekonomi Islam. Alasannya ialah kerana teori-teori ekonomi positif ini termasuk ke dalam bidang pengetahuan rasional-universal yang biasa dimanfaatkan oleh kaum Muslim secara selektif, dan tunduk kepada 'proses asimilasi imitatif-inovatif' yang merdeka. Tetapi seperti juga Hailani Muji Tahir (1999) dan Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2011) di Malaysia, A.E. Priyono, Amrullah Achmad & Bintang Sucipto (1985, 5) di Indonesia juga percaya bahawa sistem ekonomi Islam harus mempunyai paradigma tersendiri kerana pentingnya syariah dalam epistemologi Islam yang sarat nilai, mengandungi batasan-batasan ideologinya sesuai dengan tujuan dan prinsip ekonomi Islam.

Seorang lagi di Indonesia yang cenderung kepada aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini ialah M. Sholahuddin (2007). Beliau berpegang kepada kepercayaan bahawa pakar ekonomi Islam tidak perlu membuang semua teori yang telah berhasil dikembangkan. Yang diperlukan ialah melakukan internalisasi nilai-nilai Islam dalam rangka turut mengembangkan keberadaan daripada ilmu ekonomi (M. Sholahuddin 2007, 7). Hujah beliau ini adalah berdasarkan kepada hujah Taqiyuddin an-Nabhani (1990) yang meyakini bahawa ekonomi adalah bersifat universal dan tidak terikat dengan mana-mana ideologi. Oleh itu ia boleh dikembangkan dan

diadopsi daripada mana pun selagi tidak kontraproduktif dengan sistem ekonomi yang diatur Islam.

Daripada empat buah buku yang cenderung kepada aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini, tiga daripadanya (kecuali buku karya M. Sholahuddin 2007) sebenarnya sedar akan kepentingan tasawur dan epistemologi Islam dalam pembinaan ekonomi Islam. Jika ini merupakan pegangan mereka, maka sebenarnya seperti mana yang telah dihujahkan sebelum ini, isu memilih, mengakomodasi dan memodifikasi unsur-unsur ekonomi konvensional tidak timbul lagi. Jika tasawur dan epistemologi Islam sudah diterima sebagai tunjang, maka kesemua unsur, nilai, alat dan sebagainya yang dipakai dalam ekonomi Islam sepatutnya sudah secara otomatisnya menjadi Islam. Jadi ia tidak perlu lagi kepada unsur, nilai dan alat-alat ekonomi konvensional. Adalah tercabar maruah sarjana Islam sekiranya mereka tetap memakai unsur, nilai dan alat-alat ekonomi konvensional padahal kesemuanya itu sudah terdapat dalam kerangka tasawur dan epistemologi Islam sendiri. Lebih daripada itu, jika sarjana Islam hanya menumpukan kepada memilih, mengakomodasi dan memodifikasi unsur, nilai dan alat-alat ekonomi konvensional sedangkan tasawur dan epistemologi ekonomi konvensional itu tidak diubah, maka kecamukan pemikiran sarjana Islam tersebut tentulah lebih berat lagi. Tasawur dan epistemologi adalah acuan kepada sesuatu disiplin ilmu. Islamnya tasawur dan epistemologinya maka Islamlah disiplin tersebut. Begitulah sebaliknya.

### **Aliran Pemikiran Campuran**

Satu lagi aliran pemikiran ekonomi Islam yang agak berkecamuk yang terdapat dalam kalangan sarjana di dunia Melayu, terutamanya di Indonesia, ialah aliran pemikiran yang saya namakan aliran pemikiran campuran. Aliran pemikiran ini merujuk kepada aliran pemikiran yang mencampur-adukkan isme-isme bukan Islam ke dalam apa yang dipanggil ekonomi Islam. Isme-isme tersebut umpamanya adalah seperti kapitalisme dan sosialisme sehingga melahirkan istilah-istilah seperti kapitalisme Islam dan sosialisme Islam. Dalam kajian makalah ini, contoh aliran pemikiran campuran sebegini yang paling jelas ialah sebagaimana yang terkandung dalam penulisan Anwar Abbas (2008). Sepertimana sarjana-sarjana yang menghasilkan tiga buku yang beraliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik di atas, Anwar Abbas (2008) juga sebenarnya yakin akan perlunya tasawur dan nilai Islam. Namun begitu, pada masa yang sama, beliau juga merasakan masih perlunya menggunakan istilah ekonomi moden, seperti istilah sosialisme yang dipakai dan dipertahankan dalam bukunya. Beliau malah berusaha memberikan justifikasi bahawa ekonomi sosialisme Indonesia atau sosialisme religius yang didokong oleh Mohammad

Hatta adalah selari dengan ajaran Islam dan oleh itu adalah bersifat Islami. Hal ini dilakukannya dalam usaha mengesahkan, melalui bukunya tentang Mohammad Hatta ini, konsep sosialisme religius Mohammad Hatta itu sebagai satu bentuk ekonomi Islam (Anwar Abbas 2008, 352).

Sebenarnya, dalam memberikan justifikasi atas pendiriannya ini, Anwar Abbas (2008) lengkap membincangkan tentang tasawur Islami (Allah sebagai Tuhan dan Pencipta dan Pemilik Mutlak manusia, sumber alam dan segalanya, matlamat ialah *al-falah*) dan nilai-nilai dasar dan instrumental yang juga merupakan nilai-nilai Islami (yang mesti bertunjang kepada tasawur Islami tersebut). Beliau juga sedar bahawa ekonomi Islam mempunyai falsafah, nilai-nilai dasar dan nilai-nilai instrumental yang berbeza dengan sistem ekonomi lainnya. Nilai dasar ekonomi Islam yang beliau gariskan ialah kepemilikan, keadilan, dan persaudaraan serta kebersamaan. Nilai-nilai instrumental pula ialah membayar zakat, jaminan sosial, pelarangan riba, kerjasama ekonomi, dan peranan negara (Anwar Abbas 2008, 12-16). Beliau pendeknya mempamerkan keyakinan akan betapa pentingnya tasawur Islam (Tuhan sebagai pusat kegiatan ekonomi, iaitu *theocentrism*, semesta alam adalah milik Tuhan, dan matlamat adalah *al-falah*) melalui pelaksanaan nilai-nilai dasar dan nilai-nilai instrumental sebagai tunjang ekonomi Islam (Anwar Abbas 2008, 349-350).

Berdasarkan kepada kerangka teoretikal ekonomi Islam begini Anwar Abbas (2008) merumuskan bahawa sosialisme religius Mohammad Hatta adalah bersifat Islami. Beliau menyatakan bahawa tiga nilai dasar (kepemilikan, keadilan serta kebersamaan dan persaudaraan) (Anwar Abbas 2008, 170-195), dan tiga nilai instrumental (alat untuk mencapai tujuan hidup, iaitu kerjasama ekonomi dan koperasi, demokrasi ekonomi, dan peranan pemerintah (Anwar Abbas 2008, 195-265) adalah selari dengan ajaran Islam. Beliau juga berhujah bahawa pemikiran ekonomi Mohammad Hatta adalah selari dengan *maqasid syari`ah* kerana dua sebab. Pertama, Mohammad Hatta yakin bahawa perilaku manusia harus menjunjung tinggi nilai-nilai ketuhanan (*ilahiyyah*) dan kemanusiaan (*khalifatullah fil ardh*) dengan mengaplikasikan nilai-nilai dasar keadilan, persaudaraan dan kebersamaan dalam kehidupan ekonomi sehingga menegakkan masyarakat yang baik dan sejahtera. Kedua, Mohammad Hatta berpendapat bahawa negara tidak boleh hanya menyerahkan sepenuhnya persoalan ekonomi kepada mekanisme pasar (Anwar Abbas 2008, vii-viii).

Jika benar pemikiran sosialisme religious Mohammad Hatta itu bersifat Islam, kenapa istilah sosialisme masih perlu dikekalkan sekarang? Dahulu, sebagaimana dinyatakan oleh Anwar Abbas (2008, 352), istilah ekonomi sosialis yang dipanggil Mohammad Hatta sebagai ekonomi sosialis

Indonesia barangkali sesuai dengan keadaan sosio-ekonomi dan politik pada masa itu. Ia mesti dibangunkan daripada sistem ekonomi Indonesia sendiri kerana ia diyakini boleh mengeluarkan rakyatnya daripada masalah (Anwar Abbas 2008, 352). Mohammad Hatta juga mungkin membina pasal 33 UUD 1945 dengan begitu rupa agar kemudiannya, bila sesuai seperti sekarang ini, sistem Islam sepenuhnya dapat dibangunkan. Tetapi sekarang, apabila kecenderungan kepada ekonomi Islam telah begitu giat di Indonesia, kenapa istilah sosialisme masih diperlukan lagi?

Hujah-hujah Anwar Abbas (2008) di atas ternampak ada percanggahan dengan hujah Muhammad Ramadhan (2007) dalam buku yang disuntingnya bersama teman-teman yang lain (lihat Azhari Akmal Tarigan, Muhammad Ramadhan, M. Yafiz, M. Ridwan & Zulham 2007). Ketika Anwar Abbas (2008) cuba berusaha memberi justifikasi Islamnya pemikiran ekonomi sosialisme religius Mohammad Hatta, Muhammad Ramadhan (2007, 280-281) yang juga menyokong pemikiran ekonomi Mohammad Hatta ini setahun sebelum itu telah menyatakan bahawa sosialisme Mohammad Hatta sebenarnya lebih merujuk kepada pendapat pemikiran sosialisme awal terutamanya pemikiran Robert Owen. Yang ditambah oleh Mohammad Hatta, katanya, hanyalah pemikiran bahawa seluruh kekayaan alam yang berkaitan dengan kepentingan dan hajat masyarakat harus dikuasai oleh negara. Walau bagaimanapun, Muhammad Ramadhan (2007, 282) juga mengakui bahawa Mohammad Hatta memang mengakui bahawa idea sosialismenya adalah berasal daripada ajaran Islam kerana mempunyai sendi-sendi Islam seperti keadilan sosial dan persaudaraan. Oleh itu, Muhammad Ramadhan (2007, 282) merumuskan bahawa agaknya memang betul jika dikatakan bahawa ajaran Islam adalah 'sosialisme'.

### **Aliran Pemikiran Alternatif**

Selain aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik dan aliran pemikiran campuran isme, terdapat satu lagi aliran pemikiran ekonomi Islam di dunia Melayu yang dinamakan aliran pemikiran ekonomi Islam alternatif. Nama aliran pemikiran alternatif ini diberikan sendiri oleh pendokongnya, khususnya oleh Jomo KS (2001). Aliran pemikiran ekonomi Islam alternatif ini merujuk kepada satu pendekatan yang “meninjau alternatif-alternatif ekonomi Islam secara kritis dan menerokai jalan ke arah ekonomi Islam yang lebih menyeluruh, sahih, progresif, berdasarkan kepada utusan Islam dan diilhamkan olehnya khususnya prinsip-prinsip etikanya” (Jomo KS 2001, xix).

Aliran pemikiran ekonomi Islam alternatif ini tumbuh sebagai natijah daripada kehampaan pendokong aliran pemikiran ini terhadap apa yang dianggap sebagai perbincangan ekonomi Islam yang dilakukan melalui “huraian

para ulama secara harafiah dari al-Qur'an dan as-Sunnah atau perumusan ekonomi neo-klasik yang agak standard, diselang-seli dengan ayat-ayat Arab ataupun surah-surah al-Qur'an untuk memberikannya kulit Islam" (Jomo KS 2001, ix). Dengan perkataan lain, aliran pemikiran ini lahir untuk memberi alternatif kepada aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik yang mengekalkan kerangka ekonomi konvensional dan menjustifikasikannya sebagai ekonomi Islam hanya dengan memasukkan perkataan Arab atau ayat-ayat al-Qur'an.

Walau bagaimanapun, aliran pemikiran ekonomi Islam alternatif sebegini tidak berkembang sangat. Setelah lebih dari sepuluh tahun diperkenalkan, tidak ada sambutan ketara yang boleh dilihat dalam kalangan sarjana di dunia Melayu, sama ada di Malaysia mahu pun di Indonesia. Setakat kajian saya untuk makalah ini, aliran begini hanya wujud di Malaysia dan belum ada di Indonesia. Di Malaysia itu pun hanya Jomo KS (2001) seorang sahaja sarjana yang menjadi pendokong kepada aliran ini. Oleh kerana hanya seorang sahaja sarjana yang mendokong aliran pemikiran alternatif ini, maka pada hakikatnya ia sepatutnya tidak boleh dikatakan satu aliran pemikiran seperti aliran-aliran pemikiran yang mempunyai ramai pendokong. Walau bagaimanapun, dalam makalah ini dinyatakan juga bentuk pemikiran begini untuk mempamerkan satu bentuk pemikiran yang wujud di dunia Melayu berkaitan ekonomi Islam ini. Dalam bentuk penulisan, aliran pemikiran ekonomi Islam alternatif ini memang tidak nampak ketara, tetapi sebagai seorang sarjana tersohor di dunia Melayu malah di peringkat antarabangsa, Jomo KS tidak mustahil mempunyai pengikut-pengikutnya yang percaya kepada pegangannya, tetapi tidak berkesempatan menulis kepercayaan ini.

### **Aliran Pemikiran Ekonomi Islam Total**

Walau pun terdapat aliran-aliran ekonomi Islam yang sedikit sebanyak dapat dilihat akan kecamukannya, namun ini tidak bererti tidak adanya aliran pemikiran Islam yang boleh dikatakan bersifat Islami dalam kalangan sarjana di dunia Melayu, khususnya di Malaysia dan di Indonesia. Aliran sebegini saya namakan aliran pemikiran ekonomi Islam total. Aliran ini merujuk kepada bentuk pemikiran yang yakin akan perlunya ekonomi Islam itu dibina daripada dalam kerangka Islam berdasarkan tasawur dan epistemologi Islam sendiri.

Jika dibandingkan dengan aliran-aliran yang telah dibincangkan sebelum ini, sarjana yang cenderung kepada aliran pemikiran Islam total ini merupakan aliran yang paling ramai pendokongnya. Di Malaysia saja dapat dikesan tiga buah buku yang boleh dirumuskan sebagai beraliran sedemikian, manakala di Indonesia ada lagi empat buku, menjadikan tujuh semuanya. Buku-buku ini adalah hasil karya Surtahman Kastin Hasan (1995, 2011) dan Mohamed

Aslam Haneef (1995, 2009) di Malaysia, dan P3EI (2011), Abdul Wahid al-Faizin & Nashr Akbar (2010), Mohamad Hidayat (2010), dan AM Saefuddin (2011) di Indonesia.

Surtahman Kastin Hasan (1995, 2011) menghuraikan dengan jelas takrif, falsafah, ciri, sumber hukum, dan sistem ekonomi Islam dengan tasawur dan epistemologi Islam sepenuhnya. Sumber rujukan yang dirujuknya pun semuanya merupakan tulisan-tulisan sarjana Islam. Dari segi takrif, beliau berpegang kepada takrif yang pernah ditulisnya dalam buku berasingan sebelum ini, bahawa ekonomi Islam adalah “ilmu yang mengkaji kegiatan manusia yang selaras dengan kehendak syariat, dari segi memperoleh, mengguna atau mengurus sumber asli untuk kebaikan diri serta kebaikan bersama secara kebendaan dan kerohanian demi mendapat keredhaan Allah” (Surtahman Kastin Hasan 1990). Beliau yakin bahawa Allah menyediakan sumber yang mencukupi (tidak terhad) sebagai alat untuk manusia gunakan; kepatuhan kepada hukum oleh individu beragama sebagai kaedah; dan matlamat akhir ekonomi Islam ialah tangungjawab, keredhaan Allah swt dan *al-falah* (Surtahman Kastin Hasan 1995:19-20). Falsafah ekonomi Islam pula diterangkan berdasarkan kepada konsep tauhid, *rububiyyah*, *tazkiyah*, hari pembalasan, manusia sebagai khalifah, kesamaan dan persaudaraan manusia, konsep hak milik dan matlamat kegiatan ekonomi (Surtahman Kastin Hasan 1995, 21-24).

Mohamed Aslam Haneef (1995) pula, setelah mengkaji pemikiran enam sarjana ekonomi Islam kontemporari, iaitu Muhammad Abdul Mannan, Muhammad Nejatullah Siddiqi, Syed Nawab Haider Naqvi, Monzer Kahf, Sayyid Mahmud Taleghani dan Muhammad Baqir as-Sadr, mempamerkan kecenderungannya kepada aliran pemikiran ekonomi Islam total ini. Beliau memanifestasikan pendiriannya bahawa ekonomi Islam tidak boleh dilakukan hanya dengan tumpuan terhadap sofistikasi matematika dan kepraktisan ekonomi Islam sahaja, manakala aspek epistemologi dan metodologi ekonomi Islam tidak diberikan perhatian sewajarnya (Mohamed Aslam Haneef (1995, 132). Katanya, kesemua sarjana ekonomi Islam yang dikajinya ini sama ada secara langsung atau tidak ada menyebut tentang asas falsafah *Tawhid*, *Khilafah*, *Ibadah* dan *Takaful*, serta bersetuju bahawa al-Qur'an dan Sunnah membentuk sumber nilai dan norma Islam dalam aktiviti ekonomi. Namun begitu, mereka dikatakan berbeza dalam pendekatan dan perspektif terhadap beberapa aspek ekonomi dan sistem ekonomi. Yang paling ketara sekali, katanya, yang tidak diberi perhatian oleh majoriti sarjana ekonomi Islam ialah epistemologi dan metodologi ekonomi Islam itu sendiri.

Pendirian sebegini ditekankan lagi dalam penulisan beliau yang lain seterusnya (Mohamed Aslam Haneef, 2009). Dalam penulisan ini beliau

mempamerkan kecenderungannya kepada bentuk ekonomi Islam total dengan lebih jelas lagi, dengan sekurang-kurangnya melalui tiga penghujahan berikut. Pertama, beliau menjelaskan bahawa kebanyakannya sarjana ekonomi Islam tidak memberikan perhatian yang cukup kepada persoalan metodologi ekonomi Islam, tetapi sebaliknya gemar menumpukan kepada perbankan dan kewangan Islam; yakni dengan menumpukan kepada ‘*the end-products*’ dan mengabaikan penghuraian, perbincangan dan aplikasi yang mendalam tentang metodologi ekonomi, perbankan dan kewangan tersebut (Mohamed Aslam Haneef, 2009:51). Walau pun perbankan dan kewangan Islam tumbuh sebagai bidang dominan dalam ekonomi Islam, namun ia dikritik kerana bermodelkan sistem perbankan Islam berasaskan riba (Mohamed Aslam Haneef, 2009, 56). Kedua, beliau juga mempamerkan ketidakselesaannya dengan sarjana yang menerima kerangka disiplin kontemporari dan nilai-nilai yang ada bersamanya sebagaimana yang telah dikritik oleh Ziauddin Sardar (1988). Ketiga, beliau menekankan bahawa kegagalan untuk memahami dengan betul tentang visi dan pembinaan konstruk teoretikal yang unik adalah akibat daripada kurangnya perhatian yang serius terhadap bidang falsafah ekonomi (termasuk dimensi ontologikal, epistemologikal dan aksiologikal) (Mohamed Aslam Haneef, 2009, 53). Tanpa metodologi dan epistemologi Islam sebenar katanya, ekonomi Islam akan hanya akhirnya menjadi hanya satu cabang atau hanyalah menjadi duplikasi ekonomi barat. Tanpa perbincangan yang cukup tentang tasawur (*worldview*), epistemologi dan metodologi Islam, pembinaan ekonomi Islam hanyalah bersifat ‘patchwork’ sahaja (Mohamed Aslam Haneef, 2009, 58-59).

Di Indonesia pula, sekumpulan sarjana di Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi Islam, Universitas Islam Indonesia Yogyakarta meyakini bahawa ekonomi Islam mesti dibangun secara hierarki dan integratif untuk mewujudkan *al-falah* yang kemudiannya diinternalisasikan dalam bentuk nilai-nilai dan prinsip-prinsip ekonomi Islam. Mereka berpendirian bahawa mesti ada kesesuaian antara tujuan (*al-falah*) dengan nilai-nilai Islam, prinsip ekonomi dan paradigma ekonomi Islam. Jika ini semua tidak selari, ia tidak boleh dipanggil ekonomi Islam (P3EI, 2011, 73-74).

Selain itu, Abdul Wahid al-Faizin & Nashr Akbar (2010) juga berpegang kepada pentingnya ekonomi Islam bertunjangkan kepada al-Qur'an. Dengan tujuan memahamkan umat isi al-Qur'an yang berkaitan dengan ekonomi, penulis menumpukan kepada tafsiran beberapa ayat al-Qur'an sehingga ternampak pembinaan tasawur Islam itu sendiri dalam ekonomi Islam. Buku ini boleh dikatakan tertumpu sepenuhnya kepada persoalan Islam kerana penulisnya tidak langsung merujuk dan membincangkan tentang ekonomi konvensional.

Keyakinan yang lebih kurang serupa juga dipegang oleh Mohamad Hidayat (2010). Beliau berpegang kepada keyakinan bahawa ekonomi Islam mesti bertunjang kepada Tauhid (Allah SWT menyediakan sumber daya alam tanpa batas untuk keperluan manusia, dan kesemua sumber daya alam ini adalah ciptaan dan milik mutlak Allah SWT) (Mohamad Hidayat (2010, 30-31). Prinsip-prinsip ekonomi Islam pula bagi beliau berkisar kepada manusia sebagai khalifah bumi, setiap harta yang dimiliki terdapat bahagian orang miskin, dilarang memakan harta secara bathil, penghapusan praktik riba, dan penolakan terhadap monopoli (Mohamad Hidayat (2010, 34-36). Tujuan ekonomi Islam pula ialah kesejahteraan ekonomi dalam kerangka norma moral Islam, persaudaraan dan keadilan universal, distribusi pendapatan dan kekayaan yang merata (adil), serta kebebasan individu dalam konteks kemaslahatan sosial (Mohamad Hidayat (2010, 37-40).

Akhir sekali di Indonesia, terdapat karya AM Saefuddin (2011, 71-72) yang menegaskan bahawa ilmu ekonomi merupakan satu bahagian daripada ilmu agama Islam. Kajian dan tingkah laku ekonomi manusia pula merupakan ibadah kepada Allah. Beliau juga mengemukakan dua asas pokok falsafah ekonomi Islam, iaitu pertama, dunia ini dan semua harta dan kekayaan alam semesta adalah milik Allah dan menurut kehendak-Nya; kedua, Allah itu Esa, Pencipta segala makhluk, dan semua yang diciptakan tunduk kepada-Nya (AM Saefuddin 2011, 77-80). Dengan perkataan lain, falsafahnya berdasarkan kepada Tauhid (tasawurnya). Beliau juga mengemukakan nilai-nilai dasar ekonomi Islam, iaitu pemilikan, keseimbangan, keadilan (AM Saefuddin (2011, 81-86). Nilai-nilai instrumental pula dibincangkan dengan terperinci, antaranya ialah zakat, wakaf, pelarangan riba, kerjasama ekonomi, jaminan sosial, peranan pemerintah (AM Saefuddin (2011, 86-154).

Berbeza sedikit dengan sarjana Melayu di Malaysia yang beraliran ekonomi Islam total ini, para sarjana ekonomi Islam di Indonesia yang beraliran sedemikian banyak tertumpu kepada wacana dalam Islam itu sendiri, tanpa menyentuh langsung tentang persoalan ekonomi konvensional sebagaimana yang dilakukan oleh sarjana Melayu di Malaysia seperti Mohamed Aslam Haneef (1995, 2009). Walau bagaimanapun, ini tidak menjelaskan penetapan terhadap aliran pemikiran ekonomi Islam mereka. Malah pemikiran mereka dilihat lebih murni dengan sikap yang demikian kerana apabila hal-ehwal ekonomi konvensional diambil kira, tidak mustahil pemikiran mereka akan menjadi berkecamuk seperti berkecamuknya pemikiran dalam kalangan sarjana-sarjana ekonomi Islam yang tidak beraliran ekonomi Islam total ini. Namun begitu, dalam keadaan mereka mempertahankan kemurnian Islam, jika mereka dapat memperkenalkan bahawa mereka juga memahami tentang ekonomi konvensional, maka itu tentulah lebih baik lagi.

### Sarjana Yang Tidak Dapat Dikesani Aliran Pemikirannya

Dalam kajian terhadap buku-buku para sarjana dalam dunia Melayu khususnya di Malaysia dan di Indonesia ini juga, terdapat pemikiran para penulisnya yang tidak dapat dikesan kerana beberapa sebab. Pertama, buku tersebut tidak langsung membincangkan tentang apa yang boleh dikesan pemikiran penulisnya. Umpamanya buku Aidit Ghazali (1991) yang menulis tentang 12 sarjana tradisional yang difikirkan menyumbang kepada pemikiran ekonomi Islam, iaitu Ibn Hazm, Nizam al-Mulk, Al-Ghazali, Al-Turtushi, Al-Shizari, Fakhruddin al-Razi, Ibn al-Ukhuwwah, Al-Shatibi, Al-Maqrizi, Ibn Tufayl, Sh. Muhammad Iqbal and Al-Muhasibi. Beliau hanya mengatakan dalam pengenalananya bahawa adanya perbezaan antara ekonomi Islam dengan *fiqh al-muamalah*. Ekonomi Islam katanya berkaitan dengan analisis gelagat, manakala *fiqh al-muamalah* pula terhad kepada kerangka transaksi perniagaan. Kedua-duanya walau bagaimanapun, mempunyai kandungan ekonomi sebagaimana difahami dalam disiplin ekonomi dan fenomena ekonomi sebagaimana jelas terdapat dalam *fiqh al-muamalah* (Aidit Ghazali (1991:vi).

Begitu juga dengan buku karya Mardani (2011). Beliau hanya menumpukan kepada koleksi, *asbabun-nuzul*, *asbabul-wurud* dan tafsiran al-Qur'an dan Hadis sahaja. Kata Pengantarnya tersangat ringkas dan tidak mempunyai apa-apa bayangan tentang aliran pemikiran penulisnya, walau pun isi keseluruhan buku ini boleh menjadi asas kepada kajian ekonomi Islam seterusnya.

Kedua ialah kerana buku suntingan yang tidak ada pengenalan yang lengkap hingga tidak ada bahan yang membolehkan dikesani aliran pemikiran penyuntingnya. Umpamanya ialah buku suntingan Abdullah Alwi Hj. Hassan, et. al. (2005). Walaupun tajuknya berkaitan dengan sistem ekonomi Islam, tetapi ia hanya menumpukan khusus kepada perbankan dan kewangan Islam dan zakat, bukan kepada ekonomi Islam. Setiap bab pula ditulis oleh sarjana yang berbeza, dan penyuntingnya pula hanya menulis Prakata yang menyenaraikan bab-bab sahaja, bukan menganalisis bab-bab tersebut. Kalau ada pun sedikit pemikiran tentang ekonomi Islam, ia terdapat dalam bab 2 tentang "Perancangan Kewangan Islam dan Konvensional: Analisis Perbandingan" karya Nor Aini Ali (Nor Aini Ali (2005, 17-35). Ia walau bagaimanapun mempermerkan aliran akomodatif-modifikasi yang masih terikat dengan teori konvensional, antaranya dikatakannya kehendak manusia tidak terbatas (Nor Aini Ali (2005, 17), perancangan kewangan Islam hanyalah merupakan pendekatan alternatif (dan oleh itu secara tidak langsung bererti bukan wajib bagi orang Islam sebagaimana sepatutnya) (Nor Aini Ali (2005, 22), perancangan Islam lebih kurang sama dengan perancangan konvensional dan yang membezakan keduanya hanyalah batasan syarak sahaja (Nor Aini Ali (2005, 31), dan matlamatnya ialah *al-falah* (Nor Aini Ali, 2005, 35).

Begitu juga dengan buku suntingan Azhari Akmal Tarigan, Muhammad Ramadhan, M. Yafiz, M. Ridwan & Zulham (2007). Ia tidak jelas alirannya kerana buku yang disunting ini merupakan kumpulan eseai yang ditulis oleh pelbagai penulis, dalam dua kumpulan eseai, iaitu respons hukum Islam terhadap persoalan ekonomi kontemporari dan rancang bangun ekonomi Islam Indonesia. Pengantar penyuntingnya juga adalah terlalu pendek dan tidak menunjukkan sikapnya.

Satu lagi ialah buku suntingan Aam Slamet Rusydiana, Muhamad Jarkasih, Mahbubbi Ali, Luthfillah Habibi, Abdussalam, Ahmad Farabi & Atep Firmansyah (2009). Prakata mereka sangat sedikit sekali dan tidak menyentuh langsung tentang perbincangan eseai-esai dalam buku ini, walau pun mengikut Muhamad Syafii Antonio dalam Kata Pengantar buku ini, eseai-esai di dalamnya boleh dibahagikan kepada tiga sifat. Pertama, bersifat konseptual ekonomi Islam itu sendiri; kedua, bersifat kritik terhadap kapitalisme; dan ketiga, bersifat otokratik terhadap pengembangan ekonomi Islam saat ini disertai masukan membangun (Muhamad Syafii Antonio 2009:xii).

Dapatkan daripada kumpulan sarjana yang tidak dapat dikesani aliran pemikiran mereka ini dirumuskan sepenuhnya daripada analisis tekstual buku-buku mereka yang dipilih. Rumusan ini tidak berdasarkan kepada kaedah-kaedah analisis lain seperti temubual, pengamatan, pengamatan penyertaan, soal-selidik, analisis tekstual penulisan-penulisan lain sarjana tersebut, dan sebagainya. Kaedah yang menumpukan hanya kepada analisis tekstual buku-buku yang terpilih ini diyakini mencukupi bagi sebuah kajian preliminari sebagaimana tujuan makalah ini. Melalui kaedah ini, dua objektif makalah ini diyakini sudah dapat dicapai sebaiknya. Ia telah cukup untuk menggambarkan bahawa terdapat sekumpulan sarjana di dunia Melayu yang tidak mempamerkan secara jelas aliran pemikiran ekonomi Islam mereka dalam penulisan-penulisan mereka. Kesahihan tentang keadaan ini boleh didapati dengan melakukan kajian lanjutan melalui penggunaan instrumen-instrumen penyelidikan lain yang sesuai. Rumusan yang dibuat ini diharapkan boleh dijadikan asas bagi kajian lanjutan seterusnya.

## PENUTUP

Daripada perbincangan tentang aliran pemikiran ekonomi Islam Melayu di Malaysia dan Indonesia di atas, dapat dikesani bahawa aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik yang menjadi aliran ekonomi Islam dominan masa kini telah pun menyerap masuk ke dalam dunia Melayu. Namun begitu, pada masa yang sama, masih terdapat juga aliran pemikiran ekonomi Islam total yang dirasakan lebih tepat Islamnya. Secara relatifnya, bilangan sarjana beraliran pemikiran ekonomi Islam total

ini lebih ramai daripada sarjana yang beraliran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik. Jadual 2 dan 3 menggambarkan perkara ini dengan jelas.

*Jadual 2 : Pemikiran Ekonomi Islam Sarjana Malaysia*

<b>JUDUL BUKU</b>		<b>ALIRAN PEMIKIRAN</b>
1	Audit Ghazali, 1991. <i>Islamic Thinkers on Economics, Administration and Transactions</i> , Vol. 1, Kuala Lumpur: Quill Publishers.	Tidak jelas alirannya kerana hanya menulis tentang sarjana-sarjana tradisional yang difikirkan menyumbang kepada pemikiran ekonomi Islam. Pengarang sendiri tidak memperkenan aliran pemikirannya.
2	Mohamed Aslam Haneef, 1995. <i>Contemporary Islamic Economic Thought – A Selected Comparative Analysis</i> , Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.	Ekonomi Islam total.
3	Surtahman Kastin Hasan, 1995. <i>Ekonomi Islam- Dasar dan Amalan</i> , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, cetakan kedua.	Ekonomi Islam total.
4	Hailani Muji Tahir, 1999. <i>Concept and the Principles of Islamic Economics</i> , Kajang, Selangor: Fatha Publication.	Cenderung berbentuk akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik, tetapi sedar tentang kepentingan tasawur Islam.
5	Jomo, K.S., ed., 2001. <i>Alternatif Ekonomi Islam- Perspektif Kritis dan Haluan Baru</i> , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, cetakan kedua.	Cenderung kepada ekonomi Islam 'alternatif'.
6	Abdullah Alwi Hj. Hassan, et. al., 2005. <i>Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia</i> , Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.	Tidak jelas alirannya kerana hanya tumpukan khusus kepada perbankan dan kewangan Islam dan zakat, bukan kepada ekonomi Islam. Pengarang tidak memperkenan alirannya.
7	Mohamed Aslam Haneef, 2009. <i>A Critical Survey of Islamization of Knowledge</i> , Gombak, Selangor: IIUM Press, 2 <sup>nd</sup> Edition.	Cenderung kepada ekonomi Islam total.
8	Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2011. <i>Ekonomi Islam – Satu Pendekatan Analisis</i> , Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.	Cenderung berbentuk akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik, tetapi sedar tentang kepentingan tasawur Islam.



- 
- 9 Surtahman Kastin Hasan, 2011. *Ekonomi Islam – Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 

*Jadual 3 : Pemikiran Ekonomi Islam Sarjana Indonesia*

JUDUL BUKU		ALIRAN PEMIKIRAN
1	A.E. Priyono, Amrullah Achmad & Bintang Sucipto, eds., 1985. <i>Islamisasi Ekonomi – Suatu Sketsa Evaluasi dan Prospek Gerakan Perekonomian Islam</i> , Yogyakarta: PLP2M.	Cenderung berbentuk akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik, tetapi sedar tentang kepentingan sains syariah dalam klasifikasi epistemologi Islam.
2	M. Sholahuddin, 2007. <i>Asas-Asas Ekonomi Islam</i> , Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.	Cenderung berbentuk akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik.
3	Azhari Akmal Tarigan, Muhammad Ramadhan, M. Yafiz, M. Ridwan & Zulham, eds., 2007. <i>Pergumulan Ekonomi syariah di Indonesia – Studi Tentang Persepsi Hukum dan Ekonomi Islam</i> , Bandung, Citapustaka Media.	Tidak jelas alirannya kerana Pengantar editor terlalu pendek dan tidak menunjukkan sikapnya terhadap ekonomi Islam.
4	Anwar Abbas, 2008. <i>Bung Hatta &amp; Ekonomi Islam – Pergulatan Menangkap Makna Keadilan dan Kesejahteraan</i> , Jakarta: Multi Pressindo, LP3M STIE, dan Universitas Muhammadiyah Jakarta.	Cenderung kepada sosialisme Islam.
5	Aam Slamet Rusydiana, Muhamad Jarkasih, Mahbubbi Ali, Luthfillah Habibi, Abdussalam, Ahmad Farabi & Atep Firmansyah, 2009. <i>Ekonomi Islam Substantif</i> , Bogor: Lembaga Penelitian & Pemberdayaan Masyarakat (LPPM).	Tidak jelas pendiriannya kerana Prakata Penulis tidak menyatakan pendiriannya.
6	Abdul Wahid a-Faizin & Nashr Akbar, 2010. <i>Tafsir Ekonomi Kontemporer – Kajian Tafsir al-Qur'an Tentang Ekonomi Islam</i> , Jakarta Selatan: Madani Publishing House.	Cenderung kepada ekonomi Islam total, berasaskan kepada tafsiran al-Qur'an.
7	Mohamad Hidayat, 2010. <i>An Introduction to the Sharia Economic – Pengantar Ekonomi Syariah</i> , Jakarta: Zikrul Hakim.	Cenderung kepada ekonomi Islam total.

8	Mardani, 2011. <i>Ayat-Ayat dan Hadis Ekonomi Syariah</i> , Jakarta: PT Rajagrafindo Pesada.	Tidak dapat dijejaki alirannya kerana tertumpu kepada koleksi ayat-ayat al-Qur'an dan Hadis yang berkaitan dengan ekonomi sahaja.
9	AM Saefuddin, 2011. <i>Membumikan Ekonomi Islam</i> , Jakarta: PT PPA Consultants.	Cenderung kepada ekonomi Islam total.
10	P3EI (Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi Islam), Universitas Islam Indonesia Yogyakarta, 2011. <i>Ekonomi Islam</i> , Jakarta: Rajawali Pers.	Cenderung kepada ekonomi Islam total.

Walau bagaimanapun, penghujahan sesetengah daripada mereka yang beraliran pemikiran ekonomi Islam total ini, terutamanya di Indonesia, tidak memamerkan pendedahan mereka kepada ekonomi konvensional. Oleh itu masih belum diketahui setakat mana aliran pemikiran mereka nanti boleh berubah sekiranya mereka terdedah dengan pemikiran ekonomi konvensional. Aliran-aliran pemikiran lain seperti aliran campuran isme dan aliran pemikiran ekonomi alternatif walau pun sudah nampak wujud di dunia Melayu, namun ia tidak sangat mempamerkan siginifikannya.

## BIBLIOGRAFI

- Aam Slamet Rusydiana, Muhamad Jarkasih, Mahbubbi Ali, Luthfillah Habibi, Abdussalam, ahmad Farabi & Atep Firmansyah (2009). *Ekonomi Islam Substantif*, Bogor: Lembaga Penelitian & Pemberdayaan Masyarakat (LPPM).
- Abbas Mirakhor (2007). *A Note on Islamic Economics*, IDB Prize Winners' Lecture Series No. 20, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Abdullah Alwi Hj. Hassan, et. al. (2005). *Teori dan Aplikasi Kontemporer Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Wahid a- Faizin & Nashr Akbar (2010). *Tafsir Ekonomi Kontemporer – Kajian Tafsir al-Qur'an Tentang Ekonomi Islam*, Jakarta Selatan: Madani Publishing House.
- Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). "A Methodological Approach to Islamic Economics: Its Philosophy, Theoretical, Construction, and Applicability", in Habib Ahmed, ed., *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.

- Abdul Haque Ansari (1999). "Nature and Scope of Islamic Research" in Mohammed Muqim (ed), 1999, *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Abdul Hamid Abusulayman (1973). "The Theory of the Economics of Islam: The Economics and Brotherhood" in *Contemporary Aspects of Economics and Social Thinking in Islam*, Indiana, USA: MSA of the USA and Canada. Republished in 1998, "The Theory of the Economics of Islam" (I). *IJUM Journal of Economics and Management*, 6 (1), 79-122.
- A.E. Priyono, Amrullah Achmad & Bintang Sucipto, eds. (1985). *Islamisasi Ekonomi – Suatu Sketsa Evaluasi dan Prospek Gerakan Perekonomian Islam*, Yogyakarta: PLP2M.
- Audit Ghazali (1991). *Islamic Thinkers on Economics, Administration and Transactions*, Vol. 1, Kuala Lumpur: Quill Publishers.
- Audit Ghazali dan Syed Omar, eds. (1989). *Readings in the Concepts and Methodology of Islamic Economics*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya.
- Audit Ghazali, 1990. *Development – An Islamic Perspective*, Petaling Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications.
- AM Saefuddin (2011). *Membumikan Ekonomi Islam*, Jakarta: PT PPA Consultants.
- Anwar Abbas (2008). *Bung Hatta & Ekonomi Islam – Pergulatan Menangkap Makna Keadilan dan Kesejahteraan*, Jakarta, Indonesia: LP3M STIE Ahmad Dahlan Jakarta & Fakultas Hukum Universitas Muhammadiyah Jakarta.
- A. Rashid Moten (1999). "Islamization of Knowledge: Methodology of Research in Political Science" in Mohammed Muqim (ed), *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics, Papers and Proceedings of an International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers'*, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Azhari Akmal Tarigan, Muhammad Ramadhan, M. Yafiz, M. Ridwan & Zulham, eds. (2007). *Pergumulan Ekonomi Syariah di Indonesia – Studi Tentang Persentuhan Hukum dan Ekonomi Islam*, Bandung, Citapustaka Media.
- Beattie, Alan (2010). *False Economy – A Surprising Economic History of the World*, New York: Riverhead Books, Penguin Group.
- Farhad Nohmani and Ali Rahmema (1995). *Islamic Economic Systems*, Kuala Lumpur, Malaysia: S. Abdul Majid & Co.
- Fazlur Rahman (1984). *Islamic Methodology in History*, Islamic Research Institute, Islamabad, Pakistan.

- Fazlur Rehman Faridi (1995). "Islamic Research Methodology: Some Reflection" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Habib Ahmed (2002a). "Analytical Tools of Islamic Economics: A Modified Marginalist Approach", in Habib Ahmed, ed., *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Habib Ahmed, ed. (2002b). *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Hailani Muji Tahir (1999). *Concept and the Principles of Islamic Economics*, Kajang, Selangor: Fatha Publication.
- Harford, Tim (2011). *The Undercover Economist*, London, UK: Abacus, revised paperback edition.
- Ibrahim A. Ragab (1995). "On the Nature and Scope of the Islamization Process: Toward Conceptual Clarification", *Intellectual Discourse 3*, No. 2, 113-122.
- Irfan Ahmad Khan (1995a). "The meaning of Islamic Research" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Irfan Ahmad Khan (1995b). "Problems of Islamic Research" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2011). *Ekonomi Islam – Satu Pendekatan Analisis*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamil Farooqui (1999). "Islamic Perspective of Methodology in Social Phenomenal Context" in Mohammed Muqim (ed), *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Jomo, K.S., ed. (2001). *Alternatif Ekonomi Islam- Perspektif Kritis dan Haluan Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, cetakan kedua.
- Khalid Yahya Blankinship (1999). "The Need for an Islamic Theory and Methodology of History" in Mohammed Muqim (ed), *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Khurshid Ahmad (1995). "Problems of Research in Islamic Economics" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khurshid Ahmad (1980). "Economic Development in Islamic Framework", in Khurshid Ahmad, ed., *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation and Jeddah: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University.
- Khurshid Ahmad (1992). "Nature and Significance of Islamic Economics", in Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Papers and Proceedings of an International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Khurshid Ahmad (2004). "Islamizing the Economy: The Pakistan Experience", in Robert M. Hathaway and Wilson Lee, eds., *Islamization and the Pakistani Economy*, Washington D.C.: Woodrow Wilson International Center for Scholars.
- K. Sadr (1999). "Sustainable Development", *Nam-e Mofid* No. 17, 9-28.
- Mardani (2011). *Ayat-Ayat dan Hadis Ekonomi Syariah*, Jakarta: PT Rajagrafindo Pesada.
- Masudul Alam Choudhury (1999). "Editorial: Islamic Economics and Islamic Political Economy", *Managerial Finance*, 25 (5), 1-3.
- Masudul Alam Choudhury (2011). "The 'Impossibility Theorems' of Islamic Economics", *Review of Islamic Economics*, Vol. 14, No. 2, 2010, pp. 157-188.
- M. B. As-Sadr (1987). *Our Philosophy*, trans. Sham S. C. Inati, London, UK: Muhammadi Trust.
- M. Fahim Khan (1995). *Essays in Islamic Economics*, Leicester, United Kingdom: The Islamic Foundation.
- M. Fahim Khan (2002). "Fiqh Foundations of the Theory of Islamic Economics: A Survey of Selected Contemporary Writings on Economics Relevant Subjects of Fiqh", in Habib Ahmed, ed., *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Mohamad Hidayat (2010). *An Introduction to the Sharia Economic – Pengantar Ekonomi Syariah*, Jakarta: Zikrul Hakim.
- Mohamed Aslam Haneef (1995). *Contemporary Islamic Economic Thought – A Selected Comparative Analysis*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Mohamed Aslam Haneef (1997). "Islam, the Islamic Worldview, and Islamic Economics", *IIUM Journal of Economics and Management*, 5 (1), 39-65.
- Mohamed Aslam Haneef (2009). *A Critical Survey of Islamization of Knowledge*, Gombak, Selangor; IIUM Press, second edition.
- Mohamed Aslam Haneef, trans. Suherman Rosyidi (2010). *Pemikiran Ekonomi Islam Kontemporer – Analisis Komparatif Terpilih*, Jakarta, Indonesia: Rajawali Press.

- Mohammad Anas Zarqa (1992). "Methodology of Islamic Economics", in Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Papers and Proceedings of an International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Mohammad Anwar (1999). "Research Methodology in Islamic Perspective" in Mohammed Muqim (ed), *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Mohammad Arif (1999). "The Islamization of Knowledge and Some Methodological Issues in Paradigm Building: The General Case of Social Science with a Special Focus on Economics", in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Rafiuddin (1995). "The Meaning and Purpose of Islamic Research," in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.,
- Mohammad Rafiuddin (1999). "The Meaning and Purpose of Islamic Research" in Mohammed Muqim (ed), *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Mohammad Umar Chapra (2001). *What is Islamic Economics*, IDB Prize Winners' Lecture Series No. 9, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Mohammed Muqim, ed. (1999). *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Monzer Kahf (1980). "A Contribution to the Theory of Consumer Behavior in an Islamic Economy", in Khurshid Ahmad, ed., *Studies in Islamic Economics*, Jeddah, Saudi Arabia: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University and Leicester, UK: The Islamic Foundation.
- Monzer Kahf (1987). "Islamic Economics: Notes on Definition and Methodology", paper presented at the International Workshop on the Methodology of Islamic Economics, Bayero University, Kano, Nigeria, July.
- Monzer Kahf (1989). "Islamic Economic System – A Review", in Aidit Ghazali and Syed Omar, *Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics*, Petaling Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications.
- Monzer Kahf, ed. (1998). *Lessons in Islamic Economics*, Vol. 1, Proceedings of the Seminar on 'Teaching Islamic Economics at University Level, Seminar Proceedings No. 41, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.

- Monzer Kahf (2003). "Islamic Economics: Notes on Definition and Methodology", *Review of Islamic Economics*, Vol. 13, pp. 23-48.
- Muhammad Abdul Mannan (1980). *Islamic Economics: Theory and Practice*, Delhi, India: Idarah-I Adabiyat-i.
- Muhammad Abdul Mannan (1984a). *The Making of an Islamic Economic Society*, Cairo, Egypt: International Association of Islamic Banks.
- Muhammad Akram Khan (1994). *An Introduction to Islamic Economics*, Islamabad, Pakistan: International Institute of Islamic Thought (IIIT) and IPS.
- Muhammad Khalid Masud (1999). *Shatibi's Philosophy of Islamic Law*, Islamabad, Pakistan: Islamic Research Institute, International Islamic University.
- Muhammad Mumtaz Ali (ed), (1995). *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Muhammad Mustaffa Azami (1989). *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981). *Muslim Economic Thinking – A Survey of Contemporary Literature*, Leicester, United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988a). "From Contemporary Economics to Islamic Economics", in Abdullah Omar Naseef, ed., *Today's Problems, Tomorrow's Solutions*, London, UK: Mansell Publishing Ltd.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992). "History of Islamic Thought", in Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Papers and Proceedings of an International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1995a). "Problems of Islamic Research in Political Science" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1995b). "The Philosophy and The Nature of Islamic Research" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1995c). "Problems of Islamic Research in Economics" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1999). "Islamic Research and the Spiritual Content of Islam" in Mohammed Muqim (ed), *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International,
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (2001). *Economics – An Islamic Approach*, Islamabad, Pakistan: Institute of Policy Studies and Leicester, UK: The Islamic Foundation.
- Muhammad Ramadhan (2007). "Sosialisme Religius Mohammad Hatta (Melacak Akar Sistem Ekonomi Islami di Indonesia)", dlm. Azhari Akmal Tarigan, Muhammad Ramadhan, M. Yafiz, M. Ridwan & Zulham, eds., *Pergumulan Ekonomi Syariah di Indonesia – Studi Tentang Persentuhan Hukum dan Ekonomi Islam*, Bandung, Citapustaka Media.
- Muhammad Syafii Antonio (2009). "Kata Pengantar", dlm. Aam Slamet Rusydiana, Muhamad Jarkasih, Mahbubbi Ali, Luthfillah Habibi, Abdussalam, ahmad Farabi & Atep Firmansyah (2009). *Ekonomi Islam Substantif*, Bogor: Lembaga Penelitian & Pemberdayaan Masyarakat (LPPM).
- Muhammad Syukri Salleh (2003a). *Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan*, Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Muhammad Syukri Salleh (2003b). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions and Penang: Islamic Development Management Project (IDMP), Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh (2008). "Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam", *Pemikir*, Bil. 54, Oktober–Disember 2008.
- Muhammad Syukri Salleh (2009). Philosophical Foundations of Islamic Development: Khurshid Ahmad's Conception Revisited, a paper presented at 1st INSANIAH-IRTI International Conference on Comprehensive Human Development related to IEBF, organized by INSANIAH and IRTI, Islamic Development Bank at Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah Darul Aman, 18th – 19th August 2009.
- Muhammad Syukri Salleh (2011). Islamic Economics Revisited: Recontemplating Unresolved Structure and Assumptions, a paper prepared for the Eighth International Conference on Islamic Economics and Finance: Sustainable Growth and Inclusive Economic Development From an Islamic Perspective, organized by Qatar Foundation, Islamic Research and Training Institute of the Islamic Development Bank, and International Association of Islamic Economics on 25 – 27 December 2011, in Doha, Qatar.
- Muhammad Umar Chapra (1998). "Relevance and Importance of Islamic Economics" in Monzer Kahf, ed., *Lessons in Islamic Economics*, Vol. 1, Proceedings of the Seminar on 'Teaching Islamic Economics at

- University Level, Seminar Proceedings No. 41, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Muhammed Ariff (1985). "Toward a Definition of Islamic Economics: Some Scientific Considerations", *Journal of Research in Islamic Economics*, 2, 87-103.
- M. Sholahuddin (2007). *Asas-Asas Ekonomi Islam*, Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- M.Umer Chapra (2008). *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Shari'ah*, Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Neuman, W.L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 4th edition, Allyn & Bacon: Boston.
- Nor Aini Ali (2005). "Perancangan Kewangan Islam dan Konvensional: analisis Perbandingan", dlm. Abdullah Alwi Hj. Hassan, et. al., *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Obaidullah Fahad (1995). "Problems of Islamic Research in Political Science: Some Methodological Issues" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Orrel, David (2010). *EconoMyths – Ten Ways That Economics Gets It Wrong*, London, UK: Icon Books.
- Perkins, John (2006). *Confessions of an Economic Hit Man*, New York, USA: Plume, Penguin Group.
- P3EI (Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi Islam), Universitas Islam Indonesia Yogyakarta (2011). *Ekonomi Islam*, Jakarta: Rajawali Pers.
- Rafiq al-Masri (1998). *Ishamat al-Fuqaha Fil Furud al-Asasyyiat Li-Ilm al-Iqtesad*, IDB Prize Winners's Lectures Series No. 14, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Rais Ahmad (1999). "Some Thoughts on Methodology in Islamic Science" in Mohammed Muqim (ed), *Research Methodology in Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Research Papers and Proceedings (1986). *Problems of Research in Islamic Economics*, The Islamic Research and Training Institute and Islamic Development Bank, Jeddah.
- Samuelson, Paul A. and Nordhaus, William D. (1985). *Economics*, New York, USA: McGraw Hill, 12th Edition.
- Sayyid Abul Ala Mawdudi (1995). "The Role of Ijtihad and Its Scope in Islam" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sayyid Zainul Abedin (1995). "Problems of Islamic Research in Muslim Philosophy" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Seyyed Vali Reza Nasr (1986). "Whither Islamic Economics?", *Islamic Quarterly*, 30 (4), 211-220.
- Seyyed Vali Reza Nasr (1991). "Islamisation of Knowledge: A Critical Overview", *Islamic Studies*, Autumn 1991, pp. 387-400.
- S. M. Hasanuz Zaman (1984). "Definition of Islamic Economics", *Journal of Research in Islamic Economics*, Vol. 1, No. 2, Winter, 55-60.
- S.M. Yunus Gilani (1995). "Problems of Research in Islamic Studies: Approaches and Sources" in Muhammad Mumtaz Ali (ed), *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surtahman Kastin Hasan (1990). *Ekonomi Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surtahman Kastin Hasan (1995). *Ekonomi Islam- Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, cetakan kedua.
- Surtahman Kastin Hasan (2011). *Ekonomi Islam – Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Bashir Ali (2003). *Scholars of Hadith*, IQRA' International Educational Foundation, Malaysia.
- Syed Nawab Haider Naqvi (1981). *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*, Leicester, United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Syed Nawab Haider Naqvi (1983). "Individual Freedom", *Social Welfare and Islamic Economic Order*, Pakistan Institute of Development Economics, reprinted in book form.
- Taqiyuddin an-Nabhani (1990). *An-Nizham al-Iqtishadi fi al-Islam*, Beirut: Darul Ummah, cetakan IV.
- Timur Kur'an (1986). "The Economic System in Contemporary Islamic Thought: Interpretation and Assessment", *International Journal of Middle East Studies*, Vol. 21.
- Timur Kur'an (1995). "Islamic Economics and the Islamic Subeconomy", *Journal of Economic Perspectives*, 9 (4), 155-173.
- Waleed A.J. Addas (2010). *Methodology of Economics – Secular vs Islamic: A Comparative Study of Economics: From Self-Interest to 'God's Interest'*, Gombak, Selangor: IIUM Press, second printing.
- Ziaudin Sardar (1988). *Islamic Futures: The Shape of Ideas to Come*, Petaling Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications.
- Zubair Hasan (1998). "Islamization of Knowledge in Economics: Issues and Agenda", *IIUM Journal of Economic and Management*, 6 (2).
- Zubair Hasan (2007). "Evaluation of Islamic Banking Performance: On the Current Use of Econometric Models" in Munawar Iqbal, Salman Syed

Ali and Dadang Muljawan, eds., *Advances in Islamic Economics and Finance*, Vol. 1 – Proceedings of 6th International Conference on Islamic Economics and Finance, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.

Muhammad Syukri Salleh  
Centre for Islamic Development Management Studies  
School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Penang  
[syukri54@gmail.com](mailto:syukri54@gmail.com)

